

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Dato' Mohd Ariff Sabri bin Abdul Aziz
[Raub]

TARIKH : 31 Oktober 2016

SOALAN : Dato' Mohd Ariff Sabri bin Abdul Aziz
minta MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan

- (a) adakah tahap SSL 70% bekalan beras dicapai oleh negara; dan
- (b) berapakah nilai import beras tahunan dari tahun 2014 sehingga bulan Jun 2016.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Malaysia telah mencapai Tahap Sara Diri (SSL) 70% sejak tahun 2010. Sehingga kini SSL negara adalah pada kadar 71.4%.

- (b) Import beras tahunan pada tahun 2014 adalah sebanyak 863,358 mt dengan nilai RM 1.6 billion. Manakala jumlah import beras pada tahun 2015 adalah sebanyak 960,830 mt dengan nilai RM1.8 billion. Sehingga jun 2016 pula, jumlah import beras direkodkan sebanyak 403,227 mt dengan anggaran nilai RM 700 juta.